

10,000 ahli UMNO, komponen BN sambut kepulangan Dr. Mahathir

UM 13 NOV 2003

ALOR STAR 12 Nov. — Kira-kira 10,000 orang ahli UMNO dan parti komponen Barisan Nasional akan menyambut kepulangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini Isnin ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata, sambutan itu merupakan penghormatan kepada Dr. Mahathir yang kali pertama pulang ke negeri ini selepas menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 31 Oktober lalu.

Dr. Mahathir pulang ke kawasan Parlimennya di Kubang Pasu untuk menghadiri majlis berbuka puasa bersama penduduk di kawasan Dewan Undangan Negeri Tunjang di Masjid Felda Laka Selatan, Changlun, kata Syed Razak selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Wisma Darulaman hari ini.

Sementara itu Setiausaha UMNO bahagian Kubang Pasu, Shamsuddin Ahmad memberitahu, kira-kira 3,000 penduduk akan menghadiri majlis berbuka puasa bersama Dr. Mahathir.

“Pada majlis itu, Dr. Mahathir yang diiringi oleh isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali akan menyerahkan bantuan Hari Raya kepada 300 orang warga emas, ibu tunggal dan anak yatim,” katanya ketika dihubungi.